

NAMA :

TARIKH :

KELAS :

LATIHAN TATABAHASA : KATA KERJA

Lengkapkan petikan di bawah dengan kata kerja yang sesuai. Seretkan jawapan yang betul. (*Drag & Drop*)

menyiapkan

mencetak

dipilih

membentangkan

mengambil

dibahagikan

dilakukan

dikehendaki

Semalam Cikgu Hayati memberikan beberapa tugas kepada murid-murid Tahun Enam Mawar. Mereka _____ supaya menyiapkan semua tugas tersebut dalam tempoh seminggu. Antara tugas yang diberikan ialah mencari maklumat tentang tempat-tempat bersejarah di Malaysia. Mereka juga perlu _____ gambar dan menulis maklumat yang berkaitan dalam bentuk peta minda. Tugas tersebut perlu _____ secara berkumpulan. Sebelum itu, murid-murid telah _____ kepada lima kumpulan yang terdiri daripada enam orang bagi setiap kumpulan. Mereka perlu bekerjasama untuk _____ tugas yang telah diberikan itu.

Tugas yang kedua ialah menyediakan beberapa soalan tentang tempat menarik yang telah _____ oleh setiap pasukan. Soalan-soalan itu akan dimasukkan ke dalam sebuah kotak. Pada minggu depan, setiap pasukan perlu _____ hasil tugas mereka dalam kelas. Cikgu Hayati akan _____ soalan dari dalam kotak secara rawak untuk dijawab oleh pasukan lain. Aktiviti itu dapat membantu murid-murid menambahkan pengetahuan tentang sejarah negara.

